

**Syarat-syarat Pertandingan Mencipta Video Dakwah (Video Pendek)**  
**Sempena Sambutan Maulidur Rasul**  
**Peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan 1445H / 2023M**

***Syarat Penyertaan:***

- a. Yuran penyertaan adalah **PERCUMA**
- b. **Penyertaan terbuka kepada pelajar sekolah menengah dalam Negeri Perak yang berumur 13-18 tahun sahaja.**
- c. Penyertaan dilakukan dengan memuat turun borang penyertaan di portal laman web Jabatan Agama Islam Perak ([jaipk.perak.gov.my](http://jaipk.perak.gov.my)).
- d. Penyertaan mesti dihantar sebelum atau pada **14 Oktober 2023** (Sabtu)
- e. Bilangan penyertaan dihadkan kepada 1 kumpulan 1 video.
- f. Setiap kumpulan perlu mempunyai 3 hingga 5 orang ahli.
- g. Semua video yang dipertandingkan perlu disimpan di dalam google drive email masing-masing dan hantarkan link muat turun ke email [ukmjaipk2@gmail.com](mailto:ukmjaipk2@gmail.com) beserta **borang penyertaan** dan **penyata akaun sekolah yang terkini**.

***Syarat Video Dakwah:***

1. Penghasilan video mestilah berdasarkan kepada tema Maulidur Rasul iaitu:  
**“Rasulullah S.A.W.: Mengungguli Peradaban Umat”**
2. Kategori Video yang dipertandingkan ialah **VIDEO PENDEK**.
3. Bahasa yang boleh digunakan ialah Bahasa Malaysia dan/atau Bahasa Inggeris (perlu dimasukkan sarikata Bahasa Malaysia).
4. Tempoh video pendek adalah tidak melebihi 3 minit dan tidak kurang dari 2 minit.
5. Video mestilah karya asal peserta.
6. **Video tersebut hendaklah berbentuk sketsa/lakonan serta diolah dalam bentuk yang menarik;**
7. **Lakonan tersebut hendaklah mematuhi kehendak syariat (sebagai contoh: menutup aurat serta menjaga pergaulan lelaki dan perempuan).**

8. **Skrip lakonan dan video hendaklah hasil CIPTAAN SENDIRI dan tidak pernah menyertai di dalam mana-mana festival filem/video peringkat kebangsaan dan antarabangsa.**
9. **Hasil karya hendaklah sesuai untuk diterbit dan dipapar dalam segala bentuk media video dengan menggunakan format wmv atau mp4.**
10. **Resolusi video yang dihantar adalah 480-1080 “pixel” HD.**
11. Pengajur berhak menolak penyertaan yang melanggar terma dan syarat pertandingan.
12. Hakcipta produksi adalah kekal milik pengajur.
13. Pengajur tidak akan bertanggungjawab terhadap apa jua bentuk tuntutan berkaitan dengan produksi terhadap peserta oleh mana-mana pihak yang berkaitan.
14. Karya yang dihasilkan tidak boleh sama sekali mengandungi unsur-unsur yang menyentuh sensitiviti perkauman.
15. Keputusan pertandingan adalah **MUKTAMAD**.